



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) DI INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM) SEBAGAI LALUAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN

TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan memberi penekanan terhadap amalan industri. Bidang-bidang yang ditawarkan di bawah program latihan TVET di ILJTM telah mengikut standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan terhadap komponen praktikal dan pendedahan kepada latihan industri.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menawarkan latihan TVET di peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan bagi menghasilkan tenaga kerja mahir dan separa mahir. Program-program latihan TVET yang ditawarkan ini adalah penting untuk menyediakan modan insan berkemahiran yang diperlukan oleh industri.

Terdapat 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia di seluruh negara yang menawarkan lebih **50 program dan 112 kursus kepada lekatan sekolah**. Calon-calon lekatan **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3** boleh membuat permohonan Kursus TVET di portal **UP_TVET sehingga 11 Jun 2024** melalui pautan <https://mohon.tvet.gov.my/> manakala calon-calon **lekatan SPM melalui UPU sehingga 9 Jun 2024**.

Calon Lepatan Sijil Pelajaran Malaysia yang berjaya ditawarkan kursus TVET kini berpeluang memohon pinjaman latihan kemahiran Islamik yang disediakan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dengan syarat Program Latihan Kemahiran yang ditawarkan ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan berdaftar dengan PTPK.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
31 MEI 2024**